



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT PLANMALAYSIA

PLANMALAYSIA WHISTLEBLOWING POLICY





POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT PLANMALAYSIA

WHISTLEBLOWING POLICY

DITERBITKAN OLEH:

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



**UNIT INTEGRITI
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
(PLANMALAYSIA)**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya

No. Tel: 603-8091 000
Laman Web: www.planmalaysia.gov.my
Emel: unit_integriti@planmalaysia.gov.my

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dengan izinNya, PLANMalaysia dapat menerbitkan **Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat PLANMalaysia**. Polisi ini disediakan menunjukkan

komitmen dan usaha Jabatan dalam mencegah perlakuan rasuah dan kelakuan tidak wajar oleh warga PLANMalaysia yang boleh mendorong pelanggaran tata tertib.

Bagi mengekalkan imej Jabatan terus cemerlang di persada Nasional sebagai peneraju perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa, maka penyampaian perkhidmatan yang berintegriti, berakauntabiliti dan nilai profesionalisme yang tinggi menjadi teras dalam pentadbiran Jabatan. Mengamalkan tadbir urus yang telus dan amanah, PLANMalaysia telah menyediakan platform rasmi penyaluran aduan pelanggaran tatakelakuan dan rasuah kepada warganya yang dikenali sebagai SATRA. Maka dengan terhasilnya polisi ini maka akan lebih ramai yang berani tampil memberikan maklumat sekiranya terdapat penyelewengan, penerimaan suapan, salah guna kuasa, tuntutan palsu dan lain-lain perlakuan tidak wajar yang berlaku di Jabatan. Polisi ini akan memberi perlindungan kepada pengadu atau pemberi maklumat yang melaporkan kepada Jabatan. Sebarang pendedahan terhadap apa-apa perlakuan jenayah, rasuah atau perlakuan tidak wajar yang diperolehi akan bertindak sebagai sistem amaran awal kepada Jabatan untuk mengenal pasti kepincangan dan masalah yang berlaku di Jabatan dan seterusnya dapat mengekang keadaan untuk tidak menjadi lebih serius dan mengambil langkah kawalan agar ia tidak berlaku lagi pada masa hadapan.

Semoga polisi ini dapat dipatuhi oleh warga kerja PLANMalaysia dan seterusnya membudayakan perkhidmatan yang berintegriti sebagai Pegawai Awam Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.



*Kezaliman akan terus ada bukan kerana
banyaknya orang jahat tetapi kerana diamnya
orang yang baik*

- Saidina Ali bin Abi Talib R.A -



1. PENGENALAN

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat atau *Whistleblowing Policy* merupakan satu kaedah perlindungan kepada seseorang individu terhadap pendedahan yang dilakukan olehnya berkaitan sesuatu pelanggaran tatakelakuan, jenayah atau sesuatu tindakan tidak wajar.

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat PLANMalaysia (seterusnya akan dirujuk sebagai “Polisi ini”) disediakan berpandukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan beberapa agensi lain akan menjadi pemangkin penyaluran maklumat oleh warga PLANMalaysia atau pihak-pihak yang berkepentingan untuk tampil tanpa ragu-ragu memberi pendedahan terhadap salah laku warga PLANMalaysia yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Polisi ini menjadi pelengkap kepada pengurusan aduan di PLANMalaysia.

2. TUJUAN

Tujuan polisi ini diwujudkan adalah untuk:

- i. Memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh tanggungjawab dan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan;
- ii. Sebagai langkah memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga PLANMalaysia kepada undang-undang, kod etika, pekeliling dan peraturan- peraturan yang berkuatkuasa;

- iii. Sebagai jaminan kepada warga PLANMalaysia atau mana-mana individu bahawa kerahsiaan maklumat, identiti dan butiran peribadinya akan dijaga untuk mengelak daripada sebarang tindak balas akibat daripada pendedahan maklumat yang dibuat dengan niat suci hati (*good faith*);
- iv. Menggalakkan komunikasi dan budaya jujur warga PLANMalaysia dalam penyaluran maklumat; dan
- v. Menggalakkan warga PLANMalaysia mencapai tahap etika dan nilai integriti yang tinggi dengan mematuhi undang-undang dan peraturan.

3. TAKRIFAN

Bagi maksud polisi ini:

i. **Agensi Penguatkuasaan**

Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain lagi.

ii. **Kelakuan Tidak Wajar**

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib, pelanggaran etika, penyelewengan, rasuah atau kesalahan jenayah.

iii. Kesalahan Tatatertib

Apa-apa tindakan atau perbuatan yang menjadi suatu pelanggaran tatakelakuan, etika kerja, rasuah serta perbuatan jenayah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, pekeliling, atau peraturan yang berkuatkuasa.

iv. Maklumat Sulit

Maklumat sulit termasuklah;

- a) maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat tempat kerja atau tempat beradanya seseorang pemberi maklumat dan seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar:
- (b) maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- (c) maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

v. Mana-mana individu

Warga kerja PLANMalaysia/ pelanggan, perunding, pembekal, kontraktor, agensi dan lain-lain yang berkenaan.

vi. Polisi

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat PLANMalaysia.

vii. Pegawai Diberi Kuasa

Pegawai Diberi Kuasa untuk menerima maklumat pendedahan kelakuan tidak wajar atau perlakuan rasuah sama ada secara lisan atau bertulis adalah Ketua Unit Integriti atau mana-mana pegawai di Unit Integriti PLANMalaysia.

viii. Pemberi Maklumat

Mana-mana individu yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar atau jenayah kepada Pegawai Diberi Kuasa sama ada secara lisan atau bertulis.

ix. Rasuah

Rasuah mengikut Akta SPRM 2009 adalah:

- Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a)]
- Menawar/Memberi suapan [seksyen 17(b)]
- Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18]
- Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [Seksyen 23]

x. Tindakan Yang Memudaratkan

Tindakan yang memudaratkan yang dimaksudkan dalam polisi ini adalah melibatkan gangguan atau ugutan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian, diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, trend atau perniagaan mana-mana orang atau pengambil tindakan tatatertib.

xi. Warga PLANMalaysia

Pegawai yang berkhidmat di PLANMalaysia sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

4. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBERI MAKLUMAT ATAU MEMBUAT PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR?

Pemberian maklumat atau pendedahan kelakuan tidak wajar boleh dibuat oleh warga PLANMalaysia, pelanggan, perunding, pembekal, kontraktor, agensi dan lain-lain individu yang berurusan dengan PLANMalaysia.

5. APAKAH PERKARA YANG BOLEH DIDEHAHKAN?

5.1 Perkara yang boleh didedahkan adalah perlakuan tidak wajar yang melanggar undang-undang, pekeling, peraturan seperti:

- i. Rasuah atau penipuan (*fraud*)
- ii. Kesalahan jenayah;
- iii. Salah guna wang, perolehan atau aset;
- iv. Kesalahan tata tertib;
- v. Kesalahan tadbir urus atau pengurusan yang melanggar undang-undang dan peraturan;
- vi. Ketirisan kewangan;
- vii. Kelakuan atau perbuatan yang mengancam keselamatan di Jabatan;
- viii. Menyuruh, mengarah, mendorong atau menggugut seseorang dengan sengaja atau sedar supaya melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkuatkuasa; dan
- ix. Lain-lain tindakan tidak wajar yang boleh menggugat dan merosakkan imej Jabatan.

- 5.2 Pemberi maklumat yang mempunyai pengetahuan mengenai maklumat kerana ia mengalami sendiri kelakuan tidak wajar tersebut atau dicerita atau diberitahu oleh orang lain yang pemberi maklumat yakin dan percaya kepadanya;
- 5.3 Perkara yang ingin didedahkan mestilah lengkap, jelas dan mengandungi butir-butir berikut:
- i. bila kejadian berlaku (*when*);
 - ii. di mana kelakuan tidak wajar dilakukan (*where*);
 - iii. siapa yang terlibat (*who*);
 - iv. apakah kelakuan tidak wajar yang dilakukan (*what*);
 - v. kenapa kelakuan tidak wajar dilakukan (*why*);
 - vi. bagaimana kelakuan tidak wajar dilakukan (*how*);
 - vii. asas kebimbangan; dan
 - viii. dokumen yang terlibat serta lain-lain yang berkaitan

6. BILA PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR BOLEH DIBUAT?

- 6.1 Pemberian Maklumat atau pendedahan boleh dibuat pada bila-bila masa setelah pemberi maklumat yakin dan dengan niat suci hati (*good faith*) tanpa sikap prejudis serta tidak bersifat peribadi mendapati terdapat perlakuan tidak wajar yang dilakukan oleh warga PLANMalaysia.
- 6.2 Pemberi Maklumat harus tampil dengan memberi tahu secara lisan atau membawa bersama maklumat yang berasas atau yang beliau yakin dan percaya bahawa sesuatu kesalahan

atau kelakuan tidak wajar itu sudah berlaku atau sedang berlaku atau dijangka akan berlaku.

7. PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

7.1 Pemberian maklumat atau pendedahan boleh dilakukan melalui:

i. Sistem Aduan Tatakelakuan Dan Rasuah (SATRA) :

<https://www.planmalaysia.gov.my/satra/> ;

ii. E-mel : unit_integriti@planmalaysia.gov.my ;

iii. Bersemuka;

iv. Telefon: 03-8091 0016/ 0176;

v. Surat:

Unit Integriti

Aras 13, Blok F5,

Kompleks F, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62675 Putrajaya.

Semua maklumat akan direkodkan oleh Pegawai Diberi

Kuasa

7.2 Pendedahan hendaklah mengandungi mana-mana butiran berikut:

i. Warga PLANMalaysia

Sekiranya Pemberi Maklumat adalah warga PLANMalaysia, maklumat yang diperlukan adalah nama beliau, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi.

- ii. Bukan Warga PLANMalaysia
Sekiranya Pemberi Maklumat adalah bukan kakitangan PLANMalaysia, maklumat yang diperlukan adalah nama beliau, nama majikan, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi.

- 7.3 Sekiranya pendedahan dibuat melalui surat/ emel, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana untuk dihubungi.

- 7.4 Pemberi maklumat yang **tidak** menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, nombor telefon, alamat pemberi maklumat untuk dihubungi adalah **tidak layak** diberikan perlindungan di bawah Polisi ini. **Walau bagaimanapun, aduan tetap diterima dan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat yang disalurkan.**

- 7.5 Pemberi Maklumat hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut polisi ini.

- 7.6 Setiap pemberian maklumat atau pendedahan yang dilakukan, Pegawai Diberi Kuasa akan memproses maklumat tersebut seperti mana tatacara pengurusan aduan sedia ada.

- 7.7 Ketua Unit Integriti boleh mengecualikan Pegawai Diberi Kuasa daripada mengendalikan pendedahan dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan sesuai daripada Unit Integriti sendiri, apabila Pemberi Maklumat dengan yakin

bahawa Pegawai Diberi Kuasa terlibat dengan maklumat yang ingin didedahkan atau Pegawai Diberi Kuasa mempunyai kepentingan peribadi terhadap mana-mana orang yang dikaitkan dengan pendedahan. Ketua Unit Integriti juga boleh mendapatkan pandangan daripada Ketua Jabatan untuk melantik mana-mana pegawai yang difikirkan sesuai (selain daripada Unit Integriti) untuk mengendalikan pendedahan maklumat tersebut.

- 7.8 Sekiranya pendedahan tersebut melibatkan Ketua Unit Integriti, Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan terus ke Pegawai Diberi Kuasa atau terus kepada Ketua Jabatan tanpa perlu merujuk kepada Ketua Unit Integriti terlebih dahulu. Ketua Jabatan boleh mengarahkan Pegawai Diberi Kuasa untuk terus mengambil tindakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan dengan mengecualikan sepenuhnya Ketua Unit Integriti dari terlebih dalam kesemua proses tersebut.
- 7.9 Sekiranya pendedahan tersebut melibatkan Pengurusan Tertinggi Jabatan maka Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan terus ke Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan kepada Pegawai Diberi Kuasa dan Pegawai Diberi Kuasa akan memanjangkan maklumat tersebut kepada KSU KPKT untuk arahan/tindakan lanjut. Maklumat dan pendedahan yang diambil tindakan oleh KPKT akan dilindungi melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat KPKT.

- 7.10 Sekiranya pendedahan yang dibuat **bukan** melibatkan warga PLANMalaysia, maka Pegawai Diberi Kuasa akan memberikan nasihat kepada pemberi maklumat untuk membuat pendedahan kepada pihak yang berkaitan dengan perkara yang ingin didedahkan agar perlindungan pemberi maklumat dapat dilaksanakan oleh pihak berkenaan.
- 7.11 Sekiranya pendedahan yang dibuat turut melibatkan pemberi maklumat, pemberi maklumat **boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan** daripada tindakan tatatertib namun begitu ia bergantung kepada sejauhman penglibatannya dalam kes tersebut. Sekiranya dirinya merupakan **punca/penyebab utama** berlakunya perlakuan tidak wajar maka dirinya **boleh dikenakan tindakan tatatertib**.

8. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- 8.1 Melindungi identiti dan maklumat peribadi daripada semua pihak kecuali Pegawai Diberi Kuasa dan mereka yang terlibat dalam siasatan.
- 8.2 Melindungi maklumat yang didedahkan oleh Pemberi Maklumat dan pihak yang terlibat di dalam pendedahan.
- 8.3 Dilindungi daripada tindak balas dalaman Jabatan seperti pertukaran penempatan, penilaian prestasi tahunan, tindakan tatatertib, penurunan jawatan, penamatan perkhidmatan (tetap/ kontrak/ sementara/ sambilan) atau ancaman untuk melakukan mana-mana tindakan ini.

- 8.4 Sekiranya Pemberi Maklumat merasa terancam atau diugut atau dikenakan tindakan seperti yang dinyatakan di para 8.3 maka Pemberi Maklumat hendaklah melaporkannya kepada Ketua Unit Integriti atau Pegawai Diberi Kuasa.
- 8.5 Sekiranya pendedahan melibatkan kes jenayah dan rasuah maka Pemberi Maklumat akan terlindung di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] apabila kes tersebut diserahkan ke pihak berkuasa berkaitan.

9. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI DIBERI KUASA

- 9.1. Pegawai Diberi Kuasa hendaklah menerima pendedahan yang dibuat secara lisan atau bertulis yang diberikan oleh Pemberi Maklumat. Sejauh mana yang difikirkan praktik dan munasabah, pendedahan tersebut boleh dibuat di mana-mana lokasi yang difikirkan sesuai bagi memastikan identiti pemberi maklumat dilindungi.
- 9.2. Bagi kes jenayah dan rasuah, Pegawai Diberi Kuasa akan memudah cara dengan **merujuk pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Siasatan serta permohonan perlindungan akan diuruskan sepenuhnya oleh agensi penguatkuasaan.**
- 9.3. Identiti Pemberi Maklumat serta maklumat yang diberikan hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun.

- 9.4. Sekiranya Pegawai Diberi Kuasa telah menerima laporan daripada Pemberi Maklumat bahawa dirinya telah diancam seperti yang dinyatakan di para 8.3 maka Pegawai Diberi Kuasa hendaklah memanjangkan laporan tersebut ke Ketua Jabatan untuk mengambil tindakan yang berseuaian dengan mengambil kira kepentingan Pemberi Maklumat.

10. PEMBATALAN POLISI/ PERKARA YANG TIDAK DILINDUNGI OLEH POLISI

- 10.1 Pemberi Maklumat yang **mendedahkan dirinya sendiri atau menceritakan atau menyampaikan atau seumpama dengannya, maklumat atau aduan yang diadu kepada pihak lain** selain daripada Pegawai Diberi Kuasa **tidak layak** diberikan perlindungan di bawah polisi ini. Kebocoran maklumat yang disebabkan oleh Pemberi Maklumat itu sendiri, maka pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab terhadap segala implikasi/ kesan yang berlaku ke atas diri Pemberi Maklumat ekoran pendedahan tersebut.
- 10.2 Pemberi Maklumat yang **tidak** menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, nombor telefon, alamat pemberi maklumat untuk dihubungi adalah **tidak layak** diberikan perlindungan di bawah Polisi ini.
- 10.3 Sekiranya maklumat yang diberikan berunsur peribadi, berniat jahat, mempunyai motif-motif tertentu untuk menjatuhkan seseorang individu maka aduan tersebut tidak akan diterima.

11. TARIKH KUAT KUASA POLISI

Pelaksanaan polisi ini berkuat kuasa dari tarikh polisi ini diluluskan

12. PENUTUP

Pelaksanaan polisi ini diharapkan dapat mendidik warga PLANMalaysia agar terus mengamalkan budaya kerja yang berintegriti, beramanah dan berakauntabiliti agar nama dan imej PLANMalaysia sebagai peneraju bidang Perancangan Bandar dan Desa terus kekal cemerlang.

Polisi ini difikirkan dapat memberi pemahaman dan kesedaran kepada warga PLANMalaysia berhubung perlindungan yang diterima oleh pemberi maklumat dan membolehkan pemberi maklumat berani membuat aduan atau pendedahan terhadap perlakuan tidak wajar yang berlaku di Jabatan. Semoga sedikit usaha ini dapat meningkatkan kredibiliti PLANMalaysia dan perkhidmatan awam di Malaysia bahawa kami tidak akan bertolak ansur dan berpendirian tegas menolak sebarang bentuk perlakuan rasuah.